

Kementerian yakin hospital swasta akan kurangkan caj

KUALA LUMPUR, 9 Sept. — Kementerian Kesihatan yakin hospital swasta akan menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mengurangkan caj ke atas pesakit yang kurang berkemampuan.

Menterinya, Datuk Chua Jui Meng berkata, terdapat beberapa buah klinik dan hospital swasta yang telah pun menjalankan tanggung jawab sosial dengan menyediakan perkhidmatan untuk golongan susah dan miskin dengan mewujudkan Tabung Penyayang.

“Saya yakin pihak perkhidmatan perubatan dan kesihatan swasta akan memberi maklum balas positif terhadap seruan Perdana Menteri itu,” katanya mengulas seruan Perdana Menteri pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Dr. Mahathir semalam meminta hospital swasta mengurangkan bayaran ke atas pesakit yang tidak berkemampuan tetapi memerlukan rawatan atau pembedahan di hospital swasta.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya orang ramai sanggup menderma kepada pesakit yang tidak berkemampuan, pihak hospital swasta juga patut berbuat demikian.

Sehubungan itu, Jui Meng berkata, beliau akan mengadakan pertemuan dengan kesatuan-kesatuan perkhidmatan perubatan swasta untuk membincangkan tanggungjawab sosial mereka dengan mengurangkan kos perkhidmatan kepada pesakit kurang berkemampuan.

“Falsafah asas perkhidmatan kesihatan ialah menyelamatkan nyawa pesakit, menyediakan rawatan cemas dan saya pasti mereka juga prihatin dan akan memberi maklum balas positif dalam perkara ini,” katanya.

Bagaimanapun, beliau belum menetapkan pertemuan dengan pihak perkhidmatan perubatan swasta mahupun menetapkan kaedah yang akan digunakan.

Beliau memberitahu, mengikut Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta, terdapat bab mengenai tanggung jawab sosial hospital swasta.

“Tetapi peraturan itu masih dalam perbincangan dan belum ditetapkan lagi berapa banyak sumbangan yang patut dibuat,” tambah beliau.

Berkemampuan

Jui Meng turut menyokong seruan Perdana Menteri supaya golongan yang berkemampuan dan kaya terus mendapatkan perkhidmatan di hospital swasta yang mempunyai banyak kepakaran.

Bagaimanapun, katanya, golongan miskin dan kurang berkemampuan patut pergi ke hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan atau hospital-hospital universiti.

“Hospital kerajaan juga mempunyai kepakaran dan kemahiran dan cajnya murah malah tidak akan dikenakan apa-apa bayaran kepada orang miskin,” tambahnya.